

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]

TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah denda yang dikenakan kepada pemegang konsesi Projek 3B dan Projek 4A akibat kelewatan kedua-dua projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tiada penalti dikenakan ke atas pemegang konsesi Projek 3B dan Projek 4A. Walau bagaimanapun, bon jaminan berjumlah RM 30 juta bagi Projek 3B telah dipulangkan kepada pemegang konsesi iaitu 1Malaysia Development Berhad dan Mitsui & Co., Ltd. dan digantikan dengan bon jaminan yang baharu oleh Tenaga Nasional Berhad dan Mitsui & Co., Ltd supaya projek tersebut dapat diteruskan. Manakala Projek 4A, penganugerahan bersyarat bertarikh 27 Mei 2014 kepada SIPP Energy Sdn. Bhd. telah ditarik balik oleh Suruhanjaya Tenaga pada 6 Ogos 2015.

Sekian, terima kasih.
